



19 Mei 2020
19 May 2020
P.U. (A) 162

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI) 2020

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION TO SECRETARIAL FEE AND TAX FILING FEE) RULES 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
BERHUBUNG DENGAN YURAN KESETIAUSAHAAN
DAN YURAN PEMFAILAN CUKAI) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2020.

Potongan

2. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang berikut:

(a) yuran kesetiausahaan yang dikenakan berkenaan dengan perkhidmatan kesetiausahaan yang diberikan oleh seorang setiausaha syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] untuk mematuhi kehendak statutori di bawah Akta itu, yang dilakukan dan dibayar oleh orang itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu; dan

(b) yuran pemfailan cukai yang dikenakan oleh—

(i) seseorang ejen cukai yang diluluskan di bawah Akta berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud

seksyen 77, 77A, 77B, 83 dan 86 Akta bagi tempoh asas bagi tahun taksiran sebaik sebelum tahun taksiran itu atau penyediaan dan pengemukaan borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 107c Akta;

- (ii) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*];
- (iii) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*];
- (iv) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 19 Akta Levi Pelepasan 2019 [*Akta 813*]; atau
- (v) seseorang yang memberikan perkhidmatan berkenaan dengan penyediaan dan pengemukaan penyata dalam borang yang ditetapkan bagi maksud seksyen 19 Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*],

yang dilakukan dan dibayar oleh orang itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah perenggan ini tertakluk kepada amaun maksimum lima belas ribu ringgit untuk suatu tahun taksiran.

Pembatalan

3. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [P.U. (A) 336/2014] dibatalkan.

Dibuat 15 Mei 2020

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/1; LHDN.AY.A.600-12/1/7(33); PN(PU)80/XCVII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENSES IN RELATION TO SECRETARIAL FEE
AND TAX FILING FEE) RULES 2020

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with paragraph 33(1)(d) of the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2020.

Deduction

2. (1) For the purpose of ascertaining the adjusted income of a person resident in Malaysia from his business in the basis period for a year of assessment, a deduction shall be allowed for expenses as follows:

(a) secretarial fee charged in respect of secretarial services provided by a company secretary registered under the Companies Act 2016 [Act 777] to comply with the statutory requirements under that Act, which is incurred and paid by the person in the basis period for that year of assessment; and

(b) tax filing fee charged by—

(i) a tax agent approved under the Act in respect of the preparation and submission of return in the prescribed form for the purposes of sections 77, 77A, 77B, 83 and 86 of the Act for the basis period for the immediately preceding year of assessment and preparation and submission of forms prescribed for the purposes of section 107c of the Act;

- (ii) a person who provides services in respect of the preparation and submission of return in the prescribed form for the purpose of section 26 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*];
- (iii) a person who provides services in respect of the preparation and submission of return in the prescribed form for the purpose of section 26 of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*];
- (iv) a person who provides services in respect of the preparation and submission of return in the prescribed form for the purpose of section 19 of the Departure Levy Act 2019 [*Act 813*]; or
- (v) a person who provides services in respect of the preparation and submission of return in the prescribed form for the purpose of section 19 of the Tourism Tax Act 2017 [*Act 791*],

which is incurred and paid by the person in the basis period for that year of assessment.

(2) The total amount of deduction allowed under this paragraph is subject to a maximum amount of fifteen thousand ringgit for a year of assessment.

Revocation

3. Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [*P.U. (A) 336/2014*] is revoked.

Made 15 May 2020

[Perb.MOF.TAX(S)700-2/1/1; LHDNM.AY.A.600-12/1/7(33); PN(PU)80/XCVII]

TENGGU DATO' SRI ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2)
of the Income Tax Act 1967]*